


malam terakhir Ramadan



Warga Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria turut menyemarakkan bulan Ramadan dengan Majlis Khatam Al-Quran.




Datin Dr Hajah Anita Binurul Zahrina menyampaikan sumbangan kepada saudara baru.



Penyampaian sijil Khatam Al-Quran warga Jabatan Bandaran KB dan Seria.

UNISSA anjur majlis 3 dalam 1



Antara warga UNISSA yang menghadiri majlis tiga dalam satu itu.

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Jun - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, hari ini, telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus dan Iftar Jama'i yang berlangsung di Auditorium UNISSA.

Antara objektif majlis ini adalah untuk menghayati peristiwa Nuzul Al-Quran selain mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar, staf akademik, pegawai dan kakitangan UNISSA di samping menyemarakkan lagi sambutan Ramadan di UNISSA.

Pada majlis itu, Pemangku Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai utama, dekan-dekan dan timbalan dekan, para pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Acara dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran, kemudian diteruskan dengan penyampaian derma kepada 18 orang anak yatim warga UNISSA. Kemudian acara diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Dr. Sohibuddin Laming sebelum disusuli dengan berbuka puasa dan solat fardu Maghrib berjemaah.



Ceriakan Hari Raya dengan Radisson

Radisson Hotel Brunei Darussalam menawarkan pelbagai perkhidmatan katering untuk majlis di rumah atau syarikat awda pada Hari Raya Aidilfitri ini, menambah lagi suasana meriah untuk setiap tetamu.

Menu termasuk seekor kambing biri-biri panggang istimewa kami, asam laksa dan masakan tempatan lain pada harga yang boleh dirundingkan.

Sila hubungi 224 4272 sambungan 8832

Radisson Hotel Brunei Darussalam
Jalan Tasek
Bandar Seri Begawan BS8211
Telephone: +6732244272
Fax: +673 2221579

Radisson
HOTEL BRUNEI
DARUSSALAM